

Headline	TNB biayai 130 pelajar cemerlang SPM, STPM 2018		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	15 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Page No	10
ArticleSize	99 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,522		



## TNB biayai 130 pelajar cemerlang SPM, STPM 2018

**KUALA LUMPUR:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) membiayai 130 pelajar cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2018 bagi tahun ini melalui biasiswa Yayasan Tenaga Nasional (YTN).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Amir Hamzah Azizan berkata selain cemerlang dalam pelajaran, semua penerima biasiswa itu terdiri daripada pelbagai latar belakang dan aktif dalam kegiatan kokurikulum.

“Faktor akademik dan kepimpinan penting dalam pemilihan para penerima biasiswa YTN. Pelajar terpilih ini mempunyai peluang untuk menjadi warga kerja

TNB apabila tamat pengajian kelak dan diharapkan dapat menjadi pemimpin pelapis untuk menerajui TNB pada masa depan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata TNB berharap dapat membentuk dan melahirkan generasi berkualiti tinggi yang cemerlang dalam akademik, di samping mempunyai bakat kepimpinan yang tinggi menerusi biasiswa tersebut.

YTN turut menyediakan siri-siri program pembangunan melalui Scholar Development Journey bagi membantu pelajar tajaannya mencapai kecemerlangan akademik serta mempunyai kompetensi, nilai dan prinsip yang tinggi, katanya

- Bernama